

MT Umno bincang kontroversi Zakaria esok

PUTRAJAYA: Umno 'tidak senang hati' dengan isu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pelabuhan Klang, Datuk Zakaria Md Deros dan perkara itu mungkin dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti, esok.

"Saya nyatakan bahawa kita tidak gembira, Umno tidak gembira dengan apa yang berlaku," kata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas pendirian Umno berhubung kes Zakaria yang mencetuskan kontroversi hingga Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menasihatkan Adun Pelabuhan Klang itu melepaskan jawatan sebagai ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Timbalan Perdana Menteri berkata, isu Zakaria perlu dibincang pada mesyuarat Umno dan ia mungkin diperhalusi pada mesyuarat esok yang mungkin membuat keputusan mengenai perkara berkenaan.

Najib berkata, beliau sudah menerima laporan terperinci daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting mengenai isu Zakaria.

Ditanya gesaan supaya Ahli Parlimen dan wakil rakyat tidak dilantik ahli majlis kerajaan tempatan bagi menumpukan perhatian kepada tugas utama, Najib berkata, wujud pelbagai pendapat.

"Pokoknya ialah salah guna kuasa, jadi kalau mereka ada kedudukan dalam majlis daerah atau perbandaran mereka mesti menghormati undang-undang dan jika tidak, mereka melakukan kesalahan," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, ketika ditemui di Shah Alam berkata kontroversi berkaitan pembinaan banglo Zakaria tanpa mendapat kelulusan, menunjukkan percubaan pihak tertentu untuk 'menyerang' kepemimpinan Melayu.